

SOALAN NO: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : ISNIN, 6 NOVEMBER 2017
RUJUKAN : L6 [PR-1353-L03318]
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah banyak dan jenis perkhidmatan yang disumberluarkan (outsourced) kepada Yayasan Wilayah Persekutuan dan nyatakan sebab musabab Yayasan Wilayah Persekutuan dipilih untuk diberikan kontrak/kerja.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan konsep *outsourcing* bersama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) melalui pengurusan tempat letak kereta. Ia melibatkan pengurusan tempat letak kereta bahu jalan seluruh Kuala Lumpur, 4 bangunan tempat letak kereta bertingkat dan 2 tempat letak kereta terkawal atas tanah yang dikawal selia oleh DBKL.

Perlantikan YWP ini merupakan konsep *outsourcing* bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur. Melalui konsep tersebut, DBKL dapat memperkemaskan kutipan hasil, mengurangkan tunggakan kutipan hasil serta mempercepatkan kutipan hasil. Perlantikan dan kaedah *outsourcing* kepada pihak ketiga bukan hanya dilaksanakan oleh DBKL semata-mata, bahkan ianya telah diamalkan hampir keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.

Syarikat swasta adalah pihak yang menanggung segala risiko sepenuhnya. DBKL mendapat pulangan hasil yang terjamin, bersih dan tetap pada setiap bulan tanpa mengeluarkan sebarang perbelanjaan.

Konsep *outsourcing* bagi pengurusan tempat letak kereta oleh DBKL bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna tempat letak kereta. Hanya sistem yang terbaik dan operator yang benar-benar berpengalaman telah terpilih setelah proses saringan dijalankan oleh DBKL.